

KUALA LUMPUR, 18 APRIL (BERAMA)-KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH DAN SEDANG MENJALANKAN BEBERAPA RANCANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MURID-MURID DI SEKOLAH TAMIL.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA ANTARANYA IALAH DENGAN MENCANTUMKAN SEKOLAH-SEKOLAH KECIL SEKUMPUL BERTEMPAT DI KAWASAN BAHARU ATAU DI SEKOLAH BESAR YANG HAMPIR DI MANA KEMUDAHAN ALAT-ALAT PENGAJARAN DIDAPATI.

MENJAWAB SENATOR T.S. GABRIEL, DR. MAHATHIR BERKATA LAIN-LAIN RANCANGAN IALAH PELAKSANAAN SEKIM BUKU-BUKU TEKS YANG DIJALANKAN DI SEKOLAH TAMIL SEJAK TAHUN 1974.

UNTUK MEMBAIKI NILAI AKADEMIK DAN PENTADBIRAN SEKOLAH- SEKOLAH, GURU-GURU BESAR DAN GURU-GURU SEKOLAH TAMIL DIBERI PELUANG MENGHADZIRI KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN.

GURU-GURU SEMENTARA DIBERI LATIHAN PROFESSIONAL DAN GURU-GURU TETAP JUGA DIBERI KURSUS-KURSUS DALAM PERKHIDMATAN UNTUK MEMBAIKI MUTU PENGETAHUAN DAN TAKNIK PENGAJARAN MEREKA.

MENJAWAB SOALAN LAIN DARI SENATOR GABRIEL, DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN JUGA SEDANG MENKKAJI CARA-CARA MEMBERIKAN KEMUDAHAN FIZIKAL YANG LEBIH BAIK BAGI SEKOLAH-SEKOLAH YANG TIDAK BOLEH DICANTUMKAN.

KADAR GURU BESAR DAN MURID BAGI SEKOLAH TAMIL JUGA SEDANG DIKAKI SEMULA. --BERNAMA 1652/MD